

28 APR, 2026

Tarif elektrik kompetitif tarikan pusat data Malaysia



Berita Harian, Malaysia

Tarif elektrik kompetitif tarikan pusat data Malaysia

Kadar rendah, mekanisme AFA dijangka terus sokong daya tahan sektor tenaga

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Kedudukan Malaysia sebagai hab pusat data (DC) utama di Asia Tenggara dijangka semakin kukuh, dipacu penawaran kadar tarif elektrik yang sangat kompetitif berbanding negara jiran, menurut penganalisis.

RHB Research menjangkakan sektor tenaga negara akan terus mempamerkan daya tahan tinggi, walaupun berhadapan dengan ketidakpastian harga tenaga pada peringkat global.

Ia berkata, kesan kenaikan harga tenaga terhadap Tenaga Nasional Bhd (TNB) dan perjana kuasa lain adalah minimum,

memandangkan ia disalurkan kepada pengguna akhir menerusi mekanisme Pelarasan Kos Bahan Api Secara Automatik (AFA) bulanan.

Menurutnya, sejak pelaksanaan AFA Julai lalu, kerajaan terus meluluskan rebat AFA berikutan nilai ringgit lebih kukuh dan harga gas lebih lemah.

Katanya, berdasarkan harga arang batu dan gas semasa, kerajaan menjangkakan surcaj AFA sebanyak lapan sen pada Julai berbanding rebat 47 sen pada masa ini.

Jelasnya, pelarasan itu terutama mencerminkan harga gas Tahap-2 yang lebih tinggi, dikurangkan oleh nilai ringgit lebih kukuh dan harga gas bersubsidi Tahap-1 yang lebih rendah.

“Dengan mengandaikan kerajaan meningkatkan surcaj AFA kepada 10 sen bagi setiap kilowatt sejam (kWh), kadar tarif efektif DC masih kompetitif pada AS\$17 sen setiap kWh berbanding Singapura

dan Filipina,” katanya dalam nota penyelidikannya.

Kesan minimum

RHB Research menjangkakan harga arang batu perlu mencecah AS\$380 satu tan untuk surcaj AFA meningkat kepada 10 sen.

Ia berkata, harga arang batu mencapai kemuncaknya pada 2023, apabila kerajaan mengenakan surcaj elektrik 20 sen untuk pelanggan bukan domestik, memandangkan harga arang batu meningkat kepada rekod tertinggi kira-kira AS\$450 satu tan apabila perang Russia-Ukraine tercetus.

Pihaknya percaya kesan tidaklah begitu teruk kali ini berikutan harga asas Tempoh Kawal Selia 4 (RP4) yang lebih tinggi berbanding tempoh sebelumnya.

“TNB dan Suruhanjaya Tenaga perlu mendapatkan kelulusan Kabinet untuk meningkatkan surcaj AFA melebihi 3 sen.

“Kami menganggarkan bahawa setiap pergerakan harga arang batu AS\$10 satu tan akan memberi kesan kepada AFA sebanyak 30 sen,” katanya.

RHB Research berkata, berbanding harga arang batu, pergerakan harga minyak mentah Brent mempunyai kesan minimum terhadap mekanisme AFA memandangkan harga gas Tahap-2 hanya merangkumi sembilan peratus daripada jumlah kos penjanaan berkaitan bahan api.

Pihaknya menganggarkan bahawa setiap pergerakan AS\$10 satu tong dalam harga minyak mentah Brent hanya akan memberi kesan kepada AFA sebanyak satu sen.



Pembangunan pusat data 150MW JH1 milik Princeton Digital Group (PDG) di Sedenak Tech Park (STeP). (Foto fail NSTP)